

03/03/1998

Zainudin Maidin dilantik Senator

KUALA LUMPUR, Isnin - Bekas Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Melayu, Datuk Zainudin Maidin, dilantik menjadi Ahli Dewan Negara untuk tempoh tiga tahun, berkuatkuasa 25 Februari lalu.

Setiausaha Dewan Negara, Abdullah Abdul Wahab, berkata upacara angkat sumpah Zainuddin akan diadakan pada 9 Mac ini.

Pelantikan itu menjadikan Zainudin, 58, yang lebih dikenali sebagai Zam di kalangan teman rapat, sebagai wartawan pertama di negara ini yang diberikan penghormatan Senator.

Zam yang kini menjadi Pengerusi Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, berkata pelantikan itu adalah satu penghormatan dan pengiktirafan yang sangat bererti kepada peranan bidang kewartawanan di negara ini.

"Pelantikan itu bukan sahaja satu penghormatan kepada diri saya, tetapi kepada seluruh wartawan yang menjalankan peranan sebagai `suara sederhana' bagi pembentukan satu bangsa yang berpegang teguh kepada budaya toleransi berasaskan kepada formula Malaysia sendiri," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Menurutnya, media di negara ini sudah memberikan sumbangan yang amat besar dalam membantu proses sosiolisasi untuk mewujudkan masyarakat pelbagai kaum yang mementingkan dan menilai sikap hormat menghormati, keharmonian, perpaduan dan kestabilan negara.

"Suara sederhanalah yang memantapkan sifat dan sikap rakyat ini, terutama dalam keadaan yang genting dan tercabar," katanya.

Semasa kepimpinan beliau, Kumpulan Utusan Melayu menjuarai penentangan terhadap ektrimisme dan ajaran karut, terutama al-Arqam.

Malah, syarikat itu juga mengutip derma lebih RM4 juta untuk Bosnia dan lebih RM1 juta untuk pertubuhan pembebasan Palestin yang disampaikan sendiri oleh beliau kepada pemimpin Palestin, Yasser Arafat.

Selain menulis buku `Mahathir Di Sebalik Tabir', Zam juga menghasilkan buku biografi bergambar `Tun Razak: Jejak Bertapak Seorang Patriot', `Koleksi Terbaik Awang Selamat' serta `Yang Pertama Dan Terakhir' yang mengumpulkan pengalaman beliau dalam bidang kewartawanan.

Beliau memulakan karier sebagai pemberita sambilan Utusan Melayu di Alor Star pada akhir 1950-an, sebelum menjadi wakil di Kedah/Perlis. Beliau kemudian dilantik menjadi Ketua Pemberita, Pengarang Berita, Pengarang dan Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Melayu.

(END)